

ASRI MUNGKIN LEPAS KERUSI KUBANG KERIAN

Oleh JAMALUDIN HJ. BAKAR

KUALA LUMPUR, Jumaat — Bekas Yang Dipertua Agung PAS, Datuk Haji Asri Muda, sedang menimbangkan secara serius untuk meletakkan jawatan Ahli Dewan Undangan Negeri Kubang Kerian, Kelantan, dan bersara dari politik.

Bellau yang berundur dari memimpin PAS secara mengeset dalam Mukhtar Ke-28 parti itu minggu lalu, dikatakan mahu melepaskan kerusi ADUN memandangkan ada golongan muda dalam PAS mahu beliau berbuat demikian.

Datuk Asri, ketika ditemui di rumahnya hari ini, tidak menafikan kemungkinan tersebut, tetapi katanya, sebelum membuat keputusan, dua perkara terpaksa difikirkan di samping mengkaji kesan tindakannya itu.

● "Saya bertanding merebut kerusi tersebut adalah atas arahan dan amanah PAS.

● "Pemilihan saya sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri adalah keputusan rakyat," katanya.

Oleh yang demikian, tegas bellau: "Saya hanya akan mengambil keputusan selepas berunding dengan pengundi di kawasan saya, sama ada perlu atau tidak menyerahkan mandat tersebut."

Ditanya bila bellau akan berjumpa dengan pengundinya, Datuk Asri berkata, "Saya tidak mahu komen mengenai perkara tersebut kerana terlalu awal."

Bagaimanapun, Dewan Undangan Negeri Kelantan akan mula bersidang pada 14 November ini dan kemungkinan besar Datuk Asri akan pulang ke Kelantan dan seterusnya mengumumkan persaraannya.

Datuk Asri dipilih menjadi ADUN Kubang Kerian dalam pilihanraya umum April lalu bila mengalahkan calon Barisan Nasional dengan majoriti kecil.

Tetapi bellau tewas

merebut kerusi Parlimen Nilam Puri dari Datuk Haji Mohamad Haji Ali. Datuk Asri mendapat 13,890 manakala Datuk Haji Ali memperolehi 15,029 undi.

Di bawah pimpinannya, PAS bangkit dari mendapat dua kerusi pada tahun 1978 tetapi meningkat kepada 10 kerusi dalam pilihanraya lalu.

Datuk Asri menambah, di samping keadaan politik dalam parti, bellau terpaksa memikirkan usianya

yang sudah lanjut.

"Saya kini sudah mencapai umur 60 tahun dan tidak patut mempertahankan kerusi tersebut, walhal orang tidak mahu saya berbuat demikian," ujarnya berterus terang.

Bagaimanapun, tambah bellau: "Setakat ini, saya masih menjadi ahli PAS dan akan terus memegang tanggungjawab ADUN Kubang Kerian."

Difahamkan, jika Datuk Asri melepaskan kerusi ADUN, beberapa

orang anggota ADUN PAS Kelantan dijangka akan turut berbuat demikian.

Penyokong kuat Datuk Asri termasuklah Ahli Parlimen Rantau Panjang, Encik Hassan Haji Mohamad dan Ahli Parlimen Baeuk, Ustaz Mohd. Zain Abdullah, dan sekurang-kurangnya empat dari 10 ADUN Kelantan.

Mengenai ura-ura penyokongnya untuk menubuhkan sebuah parti baru, Datuk Asri berkata: "Setakat ini tidak ada ahli-ahli PAS yang menyokong berbuat demikian."

Oleh itu, tambah: "Amat sukar untuk saya membuat komen mengenai syor ahli-ahli PAS dalam akhbar hari ini.

"Saya pun tidak dapat memblang sama ada 30,000 atau 40,000 yang mahu menubuhkan parti baru berkenaan," ujarnya.

Dalam pertemuan tersebut, Datuk Asri tidak sedikit pun menyetujui golongan muda yang memimpin pucuk pimpinan PAS sekarang tetapi katanya, "Sekarang mereka boleh buat apa yang mereka suka."

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia